

# Abdullah, Susilo terima Semangat Padi Emas

KUALALUMPUR 5 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono malam ini dikurniakan Anugerah Tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Semangat Padi Emas (Emas) oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.

Anugerah tersebut bagi mengiktiraf sumbangan kedua-dua pemimpin itu dalam pembangunan pengakap negara masing-masing dan di peringkat antarabangsa serta hubungan persaudaraan antara Malaysia dan Indonesia.

Abdullah merupakan Presiden Agung Kehormat Persekutuan Pengakap Malaysia manakala Susilo merangkap Ketua Majelis Pembimbing Nasional Gerakan Pramuka Indonesia.

Pada majlis itu juga dua tokoh pengakap turut menerima Bintang Semangat, Rimba Kelas Pertama (Emas) iaitu Ketua Pesuruhjaya Gerakan Pramuka Indonesia, Prof. Dr. Azrul Aswar dan Bendahari Kehormat Persekutuan Pengakap Malaysia, Datuk Kaharudin Mo'min.

Di samping itu Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Zain pula menerima Bintang Semangat Rimba Kelas Kedua (Perak),

Dalam ucapannya, Abdullah mahu semua pengakap berpegang kepada falsafah bersama iaitu tolong menolong, bersepakat dan serta menginginkan dunia aman dan selamat.

"Kita perlu menyemai semangat ini, cintakan keamanan, menolak permusuhan mahu yang baik dan menangkis yang tidak baik serta sentiasa berbakti kepada masyarakat.

"Justeru saya berharap semua pemimpin pengakap berusaha bersungguh-sungguh supaya kegiatan yang dirancang mencapai mutu yang terbaik bagi membina sahlah anggota masyarakat serta memastikan kesejahteraan rakyat," katanya pada Majlis Jamuan Makan Malam Perdana sempena sambutan 100 Tahun Pengakap di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau juga berharap hubungan pengakap dan pramuka menjadi satu kekuatan persaudaraan sesama serumpun bangsa.



ABDULLAH Ahmad Badawi menghadihkan cenderamata berupa tapak sirih kepada Susilo Bambang Yudhoyono pada majlis Jamuan Makan Malam Perdana sempena Sambutan 100 Tahun Pengakap dan Majlis Anugerah Bintang Tertinggi Persekutuan Pengakap Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam tadi.

"Saya yakin ini juga merupakan impian Presiden Indonesia," jelasnya.

Perdana Menteri juga menganggap aktiviti pengakap adalah satu bentuk untuk membina sahlah diri dan modal insan.

"Sebab itu semasa saya menjadi Menteri Pelajaran, saya telah membuat satu dasar supaya kegiatan kokurikulum termasuk pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah diwajibkan kepada pelajar.

"Ini kerana saya berpegang kuat bahawa kegiatan kokurikulum juga penting selain ilmu pengetahuan bagi menjadikan generasi muda

berguna di kemudian kelak.

"Sebab itu juga saya berharap semua pelajar menganggotai sebarang kegiatan yang ada seperti persatuan pengakap," katanya.

Sementara itu, Susilo yakin melalui persatuan pengakap boleh menerapkan semangat nasipnalisme dan melatih disiplin bukan sahaja di peringkat sekolah malah masyarakat keseluruhan.

"Mengenal anugerah tersebut, ini merupakan satu penghormatan kerana turut menerima bersama dengan Perdana Menteri," katanya.